

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 14 JANUARI 2016 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Malaysia bakal muktamadkan Akta Antartika Malaysia – Madius Tangau	BERNAMA
2.	Make science the driving force of our economy	The Sun
3.	Lapan saintis ke Antartika	Harian Metro
4.	El Nino: Pengguna Pulau Pianang digesa jimatkan penggunaan air	BERNAMA
5.	JAS Terengganu arah PBT pantau pembakaran terbuka	BERNAMA
6.	Jika cuaca terlalu panas, aktiviti luar kelas dihentikan	Utusan Malaysia
7.	El Nino: cegah aktiviti pembakaran terbuka	Utusan Malaysia
8.	Tampung keperluan 100 hari tanpa hujan	Harian Metro
9.	Paras air empangan sungai normal	Harian Metro
10.	Penang water utility on 'supply alert' to curb rationing	Malay Mail
11.	El Nino reaches maximum intensity this month	New Straits Times
12.	Fenomena El Nino: Gunakan air secara berhemah	Utusan Malaysia
13.	Rubber tappers need help to cushion blow of low prices	New Straits Times



Malaysia Bakal Muktamadkan Akta Antartika Malaysia - Madius Tangau

SEPANG, 13 Jan (Bernama) -- **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi** sedang memuktamadkan Akta Antartika Malaysia untuk dibentangkan di Parlimen bagi memperkukuh penglibatan Malaysia di benua berkenaan, kata Menteri berkenaan Datuk Seri Madius Tangau.

Beliau berkata kementerian itu sedang bekerjasama dengan Jabatan Peguam Negara untuk memuktamadkan akta berkenaan yang akan mengawal selia penglibatan warga Malaysia di benua Antartika dan menyelaraskan undang-undang domestik.

Katanya akta itu akan membolehkan Malaysia memenuhi obligasi di bawah Triti Antartika dan Protokol Madrid ke arah menjadikan Malaysia sebagai negara pihak perunding triti itu.

"Malaysia telah menyertai triti itu pada 2011 dan masih belum mencapai tahap negara perunding. Hanya dengan status pihak perunding, Malaysia boleh terlibat dalam proses membuat keputusan berkaitan Antarctic Treaty Area dan memelihara kepentingan Malaysia," katanya.

Madius yang juga Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) berkata demikian ketika berucap pada majlis meraikan peserta-peserta Ekspedisi Saintifik ke Antartika 2016 di sini, hari ini.

Lapan penyelidik dari enam universiti tempatan iaitu Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknologi Mara, Universiti Malaysia Terengganu dan International Medical University diraikan sebelum mereka ke Buenos Aires, Argentina pada 7.10 malam ini.

Pelayaran dan penjelajahan ke benua Antartika akan menggunakan kapal layar Australis dari Pelabuhan Ushaia, Argentina mulai 18 Januari hingga 8 Februari (22 hari).

Madius berkata ekspedisi yang diselenggarakan YPASM dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Antartika Kebangsaan itu melibatkan penjelajahan ke lapan lokasi kajian iaitu King George Island, Greenwich Island, Deception Island, Davis Coast, Danco Coast, Graham Coast, Adelaide Island dan Barry Island.

"Penyelidik-penyelidik dengan pelbagai latar belakang sains dan kejuruteraan akan

menjalankan lapan projek penyelidikan dalam biologi, sains atmosfera, geologi dan kejuruteraan komunikasi," katanya.

Menurutnya kajian berkisar kepada hubung kait antara Antartika, biodiversiti dan perubahan iklim dengan penekanan kepada gas rumah hijau dan lapisan ozon, elektromagnetik bumi dan cuaca di ruang angkasa Antartika, geologi dan ciri-ciri batuan, penyebaran debunga, hidupan marin di Antartika dan penghasilan enzim, pancaran ultra ungu serta pengembangan sel.

Ekspedisi berkenaan turut mendapat kerjasama International Centre for Space Weather Science and Education, Kyushu University, Korean Polar Research Institute, Australian Antarctic Division dan British Antarctic Survey, katanya.

Madius berkata penyelidikan dan kajian ekspedisi itu akan menjadi input Mesyuarat Dwitahunan Jawatankuasa Saintifik bagi Penyelidikan Antartika (SCAR) di Kuala Lumpur Ogos ini.

Katanya Malaysia menjalankan ekspedisi ke Antartika sejak 1999 dan antara negara ASEAN terawal terlibat menjalankan penyelidikan di benua ais itu.

-- BERNAMA

Make science the driving force of our economy

SEPANG: It has become increasingly important for Malaysia's economy to be driven by science and technology, said Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Madius Tangau said.

He said although the science and technology development is on the right track, it is becoming more important considering the global economy of late.

"Looking at our economic development today, if the country continues to rely on commodities, we will be affected by the shift. Thus, the economy needs to be driven by science and technology," he said after the send-off ceremony of the Malaysian Antarctic Scientific Expedition participants at Sama-Sama Hotel yesterday.

"There are a lot of challenges. The stakeholders, the government, and the industry must look at science and technology as something very critical and important," he added.

A team of eight Malaysian researchers from six local universities will go on a 22-day Antarctic expedition from Jan 18, to study the relationship between Antarctic and climate change, and the pressure on the ozone layer and greenhouse gases.

The members of the expedition, which is



ASHRAF
SHAMSUL/
THESUN

The eight researchers who will be joining the Malaysian Antarctic Scientific Expedition.

coordinated by the Sultan Mizan Antarctic Research Foundation, are: Dr Mohamad Huzaimy Jusoh (Universiti Teknologi Mara); Dr Mohd Shahrul Mohd Nazir and Dr Goh Thian Lai (Universiti Kebangsaan Malaysia); Dr Emienour Muzalina Mustafa

(Universiti Malaya); Dr Foong Swee Yeok and Muhammad Hilal Mohd Zainudin (Universiti Sains Malaysia); Dr Wan Mohd Rauhan Wan Hussin (Universiti Malaysia Terengganu), and Aniqah Zulfa Abdul Latif (International Medical University).

Lapan saintis ke Antartika

Shah Alam: Lapan saintis tempatan terbabit dalam pelayaran saintifik selama 22 hari ke Antartika bermula 18 Januari ini menggunakan kapal layar dikenali 'Yatch Australis'.

Ekspedisi berkenaan bermula dari Pelabuhan Ushaia, Argentina dan perjalanannya dianggarkan 4,000 kilometer.

Ekspedisi membabitkan masing-masing dua peserta dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) dan masing-masing seorang peserta dari Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan International Medical University (IMU).

Kumpulan saintis berkenaan diketuai Dr Mohamad Huzaimy Jusoh dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik, UiTM Shah Alam.

Dr Mohamad Huzaimy berkata, ekspedisi julung kali ini anjuran **Kementerian Sains dan Teknologi (MOSTI)** serta Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan



DR Abdul Rahman (tengah) menyerahkan bendera UiTM kepada Dr Mohamad Huzaimy (kiri) diperhatikan Dr Mohd Nasir.

(YPASM).

"Ia disertai kumpulan saintis daripada pelbagai latar-belakang berbeza. Kos ekspedisi ini RM450,000. Ekspedisi memberi fokus terhadap kajian berimpak tinggi seperti bidang sains biologi, sains ekologi, kimia atmosfera, sains bumi, sains astronomi dan sains astrofizik.

"Kami akan menjelajah ke lapan lokasi yang signifikan di Antartika iaitu King George Island, Greenwich Island, Davis Coast, Graham/Loubet Coast, Adelaide Island dan Barry Island," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis 'Sending Off' Peserta Ekspedisi UiTM ke Antartika di Fakulti Kejuruteraan Elektrik, UiTM Shah Alam.

Turut hadir pemangku Naib Canselor UiTM Profesor Ir Dr Abdul Rahman Omar dan Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik Prof Dr Mohd Nasir Taib.

"Kami melakukan persiapan sejak tiga tahun lalu dan berada di kawasan waktu siang boleh mencecah 20 jam dan ada sebahagian kawasan siang 24 jam," katanya.



El Nino: Pengguna Pulau Pinang Digesa Jimatkan Penggunaan Air

GEORGE TOWN, 13 Jan (Bernama) -- Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) menggesa pengguna air di negeri ini supaya mengurangkan penggunaan air berikutan musim kering akibat El Nino.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Jaseni Maidinsa berkata PBAPP telah mengaktifkan status amaran bekalan air berikutan ramalan Jabatan Meteorologi mengenai kemungkinan musim panas dan kering akibat fenomena 'Super El Nino'.

Katanya jika perlu, PBAPP bersedia untuk melaksanakan inisiatif pengurusan bekalan dan permintaan air yang membolehkan Pulau Pinang mengelakkan catuan air.

"Ketika perubahan iklim global ini, kita tidak boleh berharap bekalan air akan berterusan. Kami ingin meminta kerjasama penduduk Pulau Pinang supaya menggunakan air dengan berhemah berikutan ancaman super El Nino," kata beliau kepada pemberita di sini, hari ini.

Jaseni berkata kapasiti air di Empangan Air Itam Dam, Empangan Teluk Bahang dan Empangan Mengkuang dapat bertahan sekurang-kurangnya 100 hari tanpa hujan sehingga akhir Mac.

Sementara itu, Pengarah Pendidikan Negeri Shaari Osman berkata pekeliling telah dikeluarkan kepada semua guru besar dan pengetua sekolah supaya mengambil langkah-langkah sewajarnya berikutan cuaca panas sekarang.

Beliau berkata mengikut pekeliling oleh Kementerian Pendidikan, sekolah dinasihatkan supaya mengurangkan pelajar terdedah kepada cuaca panas semasa menjalankan aktiviti luaran.

Jabatan Meteorologi baru-baru ini mengumumkan bahawa cuaca kering dan panas sekarang di Perlis dan Kedah dijangka dialami di seluruh Semenanjung antara akhir Januari dan Mac ini.

-- BERNAMA



JAS Terengganu Arah PBT Pantau Pembakaran Terbuka

KUALA TERENGGANU, 13 Jan (Bernama) -- Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu mengarahkan pihak berkuasa tempatan (PBT) di setiap daerah tidak melakukan pembakaran terbuka berikutan fenomena El Nino ketika ini.

Pengarahnya Roshadah Hashim berkata arahan itu juga meliputi pembakaran di tapak pelupusan sampah (TPS), kawasan hutan dan ladang pertanian.

"PBT serta jabatan dan agensi kerajaan yang berkaitan juga perlu memastikan tidak berlaku pencerobohan oleh mana-mana pihak lain yang boleh mencetus kebakaran di TPS, kawasan hutan atau ladang pertanian.

"Cuaca panas ekoran fenomena El Nino ketika ini boleh menyebabkan pembakaran terbuka tidak terkawal yang akan mendatangkan kemudaratan seperti jerebu, sekali gus mencemar udara kawasan persekitaran.

"Sebab itu, kita perlu memastikan tiada pembakaran terbuka dilakukan secara sengaja oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab walau atas alasan apa sekalipun kerana dikhuatiri akan mencetuskan pembakaran yang besar dan tidak terkawal terutama di kawasan tanah gambut," katanya.

Beliau yang dihubungi Bernama berkata selain menjalankan kempen kesedaran, pihaknya juga akan melakukan rondaan yang lebih kerap di tempat berisiko dan mudah terbakar seperti kawasan tanah gambut.

Roshadah berkata hebahan larangan pembakaran terbuka dan kempen kesedaran alam sekitar itu dijalankan dengan kerjasama Jabatan Penerangan dan Jabatan Penyiaran serta hebahan melalui khutbah Jumaat dan Facebook rasmi JAS Terengganu.

"Kami juga ada Seksyen Aduan dan Kontingensi untuk melakukan siasatan terhadap aduan yang diterima termasuk kes pembakaran terbuka di seluruh negeri," katanya.

Ketika ini terdapat empat kakitangan yang bertugas di Seksyen Aduan dan Kontingensi, dua daripadanya dikhususkan menyiasat aduan di daerah Kemaman sahaja manakala dua lagi kakitangan bertanggungjawab menyiasat aduan yang diterima dari daerah lain.

"Bilangan kakitangan yang agak terhad ini bagaimanapun tidak menghalang kami membuat siasatan dengan pantas, namun kerjasama orang ramai sangat diperlukan untuk mengelak berlakunya pembakaran terbuka yang boleh menjejaskan kualiti udara", katanya.

Jabatan Meteorologi Malaysia baru-baru ini mengeluarkan kenyataan cuaca panas dan kering yang kini berlaku di Perlis dan Kedah dijangka turut dirasai di seluruh Semenanjung pada peng-hujung Januari hingga Mac ini.

Jika cuaca terlalu panas

Aktiviti luar kelas dihentikan

Oleh FAZRINA AYU RADUIAN
pengarang@utusan.com.my

■ KLANG 13 JAN.

AKTIVITI di luar kelas akan dihentikan sekiranya keadaan cuaca terlalu panas akibat fenomena El Nino bagi mengelak kesihatan murid-murid dan pelajar terjejas.

Timbalan Menteri Pendidikan, P. Kamalanathan berkata, kementerian telah mengedarkan pekililing berkaitan perkara itu kepada semua Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Jabatan Pendidikan Negeri di seluruh negara.

"Kita telah mengedarkan surat kepada mereka untuk mengawal dan memantau keadaan cuaca. Sekiranya cuaca terlalu panas, pengetua atau guru besar boleh mengarahkan untuk tiada lagi kegiatan di luar bilik darjah."

"Terpulang kepada kebijaksanaan pengetua dan guru besar masing-masing. Mereka juga boleh rujuk arahan dan sekiranya perlu penjelasan boleh hubungi PPD untuk mendapatkan nasihat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Meru di Jalan Bukit Kapar, Kampung Meru di sini yang terlibat dalam kebakaran awal pagi



Kita telah mengedarkan surat kepada mereka untuk mengawal dan memantau keadaan cuaca. Sekiranya cuaca terlalu panas, pengetua atau guru besar boleh mengarahkan untuk tiada lagi kegiatan di luar bilik darjah."

P. KAMALANATHAN
Timbalan Menteri Pendidikan

semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Selangor, Datuk Seri Noh Omar.

Fenomena El Nino yang sedang melanda dunia termasuk Malaysia dijangka mencatatkan pemanasan suhu paling tinggi bulan ini dan akan reda bermula Februari.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, Datuk Che Gayah Ismail berkata, El Nino yang bermula Julai tahun lalu dijangka pulih sepenuhnya dan menjadi normal seperti biasa pada Jun ini.

El Nino: Cegah aktiviti pembakaran terbuka

KUALA LUMPUR 13 Jan. - Jabatan Meteorologi menjangkakan cuaca panas dan kering yang ketika ini berlaku di Kedah dan Perlis akan melanda seluruh negara pada penghujung Januari sehingga Mac ini.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, keadaan itu disebabkan fenomena El Nino kuat yang sedang berlaku dan dijangka menyebabkan jerebu.

"Kementerian dan setiap agensi yang terlibat dalam pengurusan jerebu sedang mempertingkatkan usaha-usaha pencegahan ke atas aktiviti pembakaran terbuka yang berpotensi menyebabkan jerebu di peringkat tempatan.

"Kita telah mengaktifkan Pelan Tindakan Pencegahan Pembakaran Terbuka di seluruh negara mulai semalam yang merangkumi aktiviti rondaan darat, penguatkuasaan, tindakan mahkamah dan kempen kesedaran," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.


Tambah Wan Junaidi, kawasan tanah gambut yang sering terbakar juga akan dipantau dengan rapi melalui Prosedur Tetap Operasi (PTO) Program Pencegahan dan Pengurusan Tanah Gambut Sering Terbakar.

Selain itu, agensi terlibat juga akan membuat pemantauan melalui udara bagi mencegah kebakaran hutan terutama di kawasan sering terbakar termasuk kawasan pedalaman yang berisiko tinggi untuk terbakar.

"Saya akan mengengerusikan Mesyuarat Induk Jerebu Kebangsaan pada 11 Februari ini bagi membincangkan tindakan pencegahan jerebu dan tindak balas kecemasan antara agensi untuk menangani situasi jerebu yang tidak menentu semasa cuaca panas dan kering.

"Jabatan Alam Sekitar (JAS) melaporkan, setakat ini sebanyak 33 kes pembakaran terbuka dikesan di seluruh negara. Bagi tindakan penguatkuasaan untuk tempoh sama, sebanyak empat kes telah dikenakan kompaun, satu kes diberikan Notis Arahan dan satu lagi diberikan Surat Arahan," katanya.

Mengulas lanjut, Wan Junaidi menasihatkan semua pihak tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis milik sendiri dimasuki atau diceroboh sehingga menyebabkan pembakaran terbuka sama ada sengaja atau tidak sengaja.



WAN JUNAIDI

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 28
TARIKH: 14 JANUARI 2016 (KHAMIS)

Georgetown

**Tampung
keperluan 100
hari tanpa hujan**

Fenomena El Nino yang melanda negara menyebabkan dua empangan di bahagian pulau di negeri ini dijangka hanya mampu menampung keperluan penduduk sehingga tempoh 100 hari tanpa taburan hujan.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) Datuk Jaseni Maidinsa, berkata pihaknya memantau secara dekat dua empangan berkenaan iaitu Empangan Teluk Bahang dan Empangan Air Itam yang menjadi nadi kepada negeri ini.

Beliau berkata, pada masa ini kapasiti air di dua empangan terbabit masih baik dan pihaknya mengaktifkan status amaran bekalan air berikutan amaran dari Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) mengenai fenomena cuaca panas dan kering Super El Nino.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 28
TARIKH: 14 JANUARI 2016 (KHAMIS)

Kuala Lumpur

**Paras air
empangan,
sungai normal**

Paras air di empangan dan sungai di seluruh negara berada di paras normal, namun berlaku penyusutan ketara di Sungai Galas, Kelantan dan Sungai Kuantan, Pahang.

Timbalan Pengarah Bahagian Sumber Air dan Hidrologi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia Paridah Anun Tahir berkata, dua sungai utama berkenaan berlaku penyusutan iaitu Sungai Galas di Dabong, dengan bacaan 82.8 meter padu dan Sungai Kuantan di Bukit Kenau 1.10 meter padu daripada paras normal.

"Bagaimanapun, kami menganggap ini tidak kritikal berbanding El Nino sebelum ini yang menyebabkan beberapa sungai di Selangor kering.

"Walaupun Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) merekodkan Selangor tidak menerima hujan selama lapan hari sejak Ahad lalu, semua empangan dan sungai di negeri ini berada di paras normal," katanya.



A boy plays at a fountain in Penang's Youth Park. The state water utility has urged consumers to conserve water.
— Picture by Bernama

Penang water utility on 'supply alert' to curb rationing

GEORGE TOWN — The state water utility has activated its "water supply alert" in preparation for severe dry weather brought on by the Super El Nino phenomenon.

Penang Water Supply Corporation (PBAPP) chief executive officer Datuk Jaseni Maidinsa said the dry spell could last up to 100 days and the people should start conserving water.

He said the arid conditions could be equal to that of 2014, when water rationing had to be carried out in several states, including Penang.

"People should be cautious when using water and they should not create a situation where water rationing was introduced just as in 2014 and last year," he said.

Penang's main dams in Air Itam and Teluk Bahang, which last had rain on Dec 29, were still at a safe level, Jaseni said, adding that water was also being drawn

from Sungai Muda.

He was confident the dams could continue to supply water until March, when El Nino is expected to taper out, but it was vital that water was not wasted.

Although Penang has 1.6 million consumers using up to a billion litres of water daily, Jaseni believed consumption could drop by at least 10 per cent as locals were expected to holiday in countries with cooler climates.

The current water capacity of the Air Itam dam is at 87.6 per cent and Teluk Bahang Dam is at 83.2 per cent.

Jaseni said the water level was at 2.53m in Sungai Muda, which is the main source of water for the corporation.

"We will continue to monitor the water level at the dams and Sungai Muda daily. We will brief the state government and keep the public informed on the water supply status



regularly," he said.

Bernama reported that all local government authorities in Terengganu had been ordered not to carry out open burning, including at waste disposal sites, to reduce the effect of the El Nino phenomenon.

Terengganu Department of Environment (DOE) director Roshadah Hashim said the

directive covered burning at waste disposal sites, forests and farming areas.

"The local authorities as well as the relevant government departments and agencies are also required to ensure there is no trespassing by any quarters that could lead to fire in the areas concerned," she said.

She said the department would organise a campaign to enhance public awareness on the matter, as well as conduct more frequent patrols in risk areas, like peat soil areas. The campaign would be organised with the Information Department.

The Meteorological Department recently said the current hot and dry weather in Perlis and Kedah was expected to be felt across the peninsula between the end of January and March.

A similar condition is also expected in Sabah, as well as Limbang and Miri in Sarawak until the first quarter.

El Nino reaches maximum intensity this month

EXTREME HEAT: It could cause water shortage and hazy conditions

AINA NASA
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE sweltering El Nino phenomenon is expected to reach its peak this month, Meteorological Department director-general Datuk Che Gayah Ismail said.

She said the intensity would depend on the sea surface temperature of the Pacific Ocean in the equatorial region.

"El Nino will reach its maximum intensity this month when the sea surface temperature of the Pacific Ocean within the equatorial region will be between 2.3 and 2.8°C.

"It will start to weaken next month and last for a few months before returning to normal after June."

An increase in the sea surface temperature of 0.5 to 0.9°C indicates a weak El Nino, 1 to 1.5°C a moderate El Nino and anything above 1.5°C points to a strong El Nino.

"The impacts of this intense El Nino are an increase in temperature of between 0.2 and 2°C and decreased rainfall distribution of between 20 and 60 per cent.

"The areas most affected by the



A padi farmer catching fish at a receding water canal in Permatang Tok Loba, Kepala Batas, yesterday. Pic by Amir Irsyad Omar

decrease in rainfall are the northern states of Kedah, Perlis, and Penang, Sabah, and Limbang and Miri in Sarawak. Kelantan and Terengganu will experience a decrease of between 20 and 40 per cent," said Che Gayah. She also warned that the

haze could return.

"Based on past experience, cities like Kuala Lumpur and Penang could see haze during a hot and dry spell. Already, there are areas which show a moderate level of Air Pollutant Index (API)."

Checks by the *New Straits Times* revealed that, as of 3pm yesterday, nine areas recorded a moderate API level of between 50 and 100, including Jalan Tasek in Ipoh (74), Seberang Jaya 2 in Prai (64), Petaling Jaya (56) and Port Klang (53).

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 29
TARIKH : 14 JANUARI 2016 (KHAMIS)

Fenomena El Nino: Gunakan air secara berhemah

KUALA LUMPUR 13 Jan. - Orang ramai dinasihatkan mengguna air secara berhemat sepanjang musim fenomena El Nino melanda negara ini kerana perubahan iklim itu memberi kesan kepada bekalan air yang boleh mengganggu kehidupan seharian mereka.

Eksekutif Penyelidikan dan Dasar Forum Air Malaysia, Debbie

Injan Andrew Jumat berkata, seseorang individu sebenarnya hanya memerlukan 50 liter air sehari untuk keperluan asas namun rakyat negara ini didapati menggunakan 210 liter sehari pada 2013.

"Disebabkan kadar caj air rendah di negara ini, maka tiada yang memandang serius terhadap pemuliharaan air. Ramai yang cenderung un-

tuk melakukan pembaziran atau tidak menggunakannya dengan cermat.

"Oleh itu, orang ramai dinasihatkan tidak membazir air. Kita mesti menghargai dan berusaha menjimatkan penggunaan dan bayaran bil air," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Baru-baru ini, **Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, Datuk Che**

Gayah Ismail berkata, fenomena El Nino yang sedang melanda dunia termasuk Malaysia dijangka mencatatkan pemanasan suhu paling kuat bulan ini dan akan mulai reda bermula Februari ini.

Katanya, El Nino yang bermula bulan Julai tahun lalu itu dijangka pulih sepenuhnya dan menjadi normal pada Jun ini.

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (COMMENT) : MUKA SURAT 12 & 13
TARIKH : 14 JANUARI 2016 (KHAMIS)

Rubber tappers need help to cushion blow of low prices

UNFAIR: While they suffer, the same isn't true for manufacturing industries

I READ with interest an article by NST columnist Salleh Buang, titled "Who sheds tears for our rubber tappers?" (NST, Jan 7), which effectively articulates the plight facing the nation's rubber tappers.

True to his style, the writer painted a moving picture of life as a rubber tapper. Coming from a rubber-tapping family himself, he is familiar with the sentiments. There have been occasions when tapping rubber could support a fairly comfortable living. However, most of the time, the opposite is true. Rubber

tappers are often at the mercy of world rubber prices. When world prices are good, as they were four or five years ago, rubber tappers are the envy of farmers, but when prices are down, they can be hit hard. And, rubber prices have been at historic lows for some time now.

For the last two or three years, rubber tappers have lived through trying times because of depressed rubber prices. They have been hit hard by prices that remain persistently low. And, judging by the latest developments in the global econ-

omy, there does not seem to be much light at the end of the tunnel.

Most commodities face a similar predicament. Oversupply and lacklustre demand are mostly to blame for low prices. China, which has been anchoring the bulk of growth in world demand in recent years, is in economic malaise. The same is true for Europe.

On the supply side, Thailand, which is the world's leading natural rubber producer, has a large stock overhang. The latest news from Thailand is that it is seriously contemplating diverting much of excess inventories for use in road construction. Rubberised roads have become fashionable lately. Studies have shown that by incorporating rubber

in roads, their durability improves. There is also less maintenance needed. If such a practice gains traction worldwide, it can be another channel to boost demand and help support prices.

While rubber tappers languish in poverty, the same is not true for downstream manufacturing industries, which the natural rubber produced by rubber tappers has created.

Take the glove manufacturing industry, for example. The latest we hear is that the nation's top glove company is embarking on bigger expansion plans. It is a clear testimony to the fact that it is very profitable indeed. Despite the slowing global

➔ *Continued next page*



**DR AHMAD
IBRAHIM**

Downstream producers should play supportive role

➔ *From Page 12*

economy, the export of gloves has not witnessed much decline. This is because gloves find their biggest demand in the health sector. Like they say, apart from food, the health business is recession-proof.

Rubber is not the only material that rubber smallholders supply to the manufacturing sector. Another important item is rubberwood. And,

the latest news is that rubberwood furniture are selling well in the export business. But, such manufacturers should realise that without the natural rubber and rubberwood that smallholders supply, they will have problems sustaining their businesses.

There must be a workable mechanism, where profitable downstream manufacturers help sustain the supply of raw material. During

times of depressed rubber prices, rubber tappers who are suffering can do with support from manufacturers. It is like the profitable part of the value chain subsidising the loss-making part.

The truth is, the government has, for years, been trying to create such synergistic linkages in the rubber industry. Many entities have been established to help support rubber tappers. Organisations like Risda,

Mardec, Felda and MRB have been established for the purpose. They have been tasked with creating rubber-based industries that will add value to the raw material. And, the profits they make are to be ploughed back to support growing by rubber smallholders.

Unfortunately, such initiatives have not truly delivered. Instead, privately run manufacturers are the ones that make it happen. We need

to find out why the government's noble intentions have not materialised. With the right remedial action, there is no reason why government initiatives cannot be a success. Then, we won't have any more tears from rubber tappers!

✉ ahmad.ibrahim@akademisains.gov.my

The writer is a fellow at the Academy of Sciences Malaysia